



**2020 TAHUN MENCABAR
BUAT SEMUA
PENUH DUGAAN DAN
MUSIBAH**

**KITA HADAPINYA DENGAN
TABAH**

**KERANA SABAR ITU INDAH
FKE TERUS KUAT DAN GAH**



Sorotan FKE 2020:

Dari tinta Pengarang

Faculty Updates

~*Staff Promotion*

~*Penyelidikan, Perundingan*

~*Inovasi, Penerbitan*

Faculty Events

~*PTEC and MYHVNET Colloquium 2020*

~*Temuduga Terbuka bersama Safura Defence*

~*Mock Akreditasi EE200*

Rekreasi minda

~ *Narrowing down Potential Suspects based only on a Forensic Sketch*

~*Pengalaman ODL 2020*

~*Cabar Mendidik Anak Digital*

Kata-kata Aluan



Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T, yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas Junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarganya dan para sahabatnya.

Syabas dan tahniah kepada Unit Penerbitan FKE kerana buat kali ketujuh telah berjaya menerbitkan buletin FKE. Fakulti telah berjaya berkembang dari tahun ke tahun ke tahap yang boleh dibanggakan sama ada dari segi tahap kesarjanaan staf mahupun kualiti program yang ditarwarkan. UiTM secara keseluruhan telah dan sedang melalui fasa transformasi untuk menjadi sebuah universiti dikenali di dunia.

Tahun 2020 meninggalkan FKE dengan pelbagai kejayaan, pencapaian, pengiktirafan dan peristiwa-peristiwa manis yang sebahagiannya di coretkan dalam buletin keluaran kali ini sebagai kenangan serta sebagai motivasi untuk terus melakar kejayaan di tahun yang mendatang. Tahun 2020 sarat dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan seluruh warga FKE. Jika saya boleh senaraikan satu persatu kejayaan FKE untuk tahun 2020 terlalu banyak. Di antaranya kita bermula dengan aktiviti *Lawatan Penanda Aras ke UTEM, UTMKL dan UniKL untuk program baru Diploma Tech, BEng Tech dan Msc, PTEC and MyHVNET Colloquium 2020, IAP Talk: Webinar on Future Career Development, Seminar FYP2 Research Methodology EE200, Temuduga terbuka Bersama Safura Defence Sdn Bhd, Projek Sahabat Greenation@FKE, Sesi Perkongsian ODL dan mock akreditasi EE200*.

Alhamdulillah FKE terus bersinar melakar kejayaan yang cemerlang dalam bidang penyelidikan, perundingan dan penerbitan terutama dalam perolehan geran antarabangsa, industri dan geran dalaman yang menyumbang sebanyak RM 759,752 keseluruhannya. Seterusnya, pencapaian ahli fakulti seperti kenaikan pangkat ke DM52, penolong jurutera kanan, jurutera profesional, professor pelawat, dan juga pemeteraian MOU dengan syarikat luar. Ini menunjukkan FKEPP adalah satu pasukan yang terbaik di UiTMCPP. Kita seharusnya berbangga dengan pengiktirafan yang diberikan. Di harap kecemerlangan ini dapat kita teruskan supaya FKE terus cemerlang. Justeru itu, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah yang tidak terhingga kepada seluruh warga FKE yang tidak pernah lokek mencurahkan idea, tenaga dan tidak kira penat lelah menjayakan setiap sesuatu yang diusahakan.

Mengakhiri kata aluan ini, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat di dalam penyediaan buletin ini. Sekian dan Terima Kasih.

Ketua Pusat Pengajian

Prof. Madya Ir. Ts. Dr Zainal Hisyam Che Soh



TINTA PENGARANG

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah ala kulli hal. Awal tahun 2020 bermulanya ujian berat buat kita semua. Kita semua merasai kesannya, besar mahupun kecil. Ada diuji dengan kesakitan covid, ada diuji kehilangan kerja, kesempitan rezeki, kesunyian melampau, keserabutan tuntutan kerja dan pdpr anak-anak, ada diuji hubungan dengan pasangan, ada diuji tuntutan kerja online bertimpas-timpa, ada diuji dengan pelbagai KPI jabatan dalam keterbatasan pelbagai sumber dan pelbagai macam lagi bentuk ujian. Namun ingatlah kita akan pesan dari Allah di dalam surah Al Mulk, (67:2):

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيُنْبُوكُمْ أَيْكُمْ أَخْسَنُ عَمَلاً وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ

Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan men-zahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat);

Benar-benar pasti kita semua akan diuji bagi menentukan siapakah yang punya amalan terbaik untuk di persembahkan kepadaNya nanti. Moga kita redha di atas segala ujian ini dan terus bangun memberikan yang terbaik kepadaNya.

2020, hanya sekitar 5 bulan kita dapat bersama di kampus, selebihnya kita banyak bekerja di rumah. Alhamdulillah di atas pelbagai ujian dan cabaran ini, kita sedaya upaya bekerjasama untuk memenuhi pelbagai KPI yang telah di letakkan kepada kita di fakulti. Kesempatan penerbitan *E² - Waves* 2021 ini adalah bagi memaparkan sedikit sebanyak aktiviti dan sumbangan yang telah berjaya kita laksanakan. Terima kasih dan tahniah di ucapkan kepada semua ahli keluarga FKE, dalam kesibukan menjalankan tugas hakiki dan juga menempuh “new normal pandemic Covid-19” dalam pengajaran dan pembelajaran, pelbagai aktiviti telah berjaya di laksanakan.

Alhamdulillah, terima kasih kepada kumpulan editor *E² - Waves* yang telah membantu mengumpulkan dan melaporkan pelbagai aktiviti dan pencapaian sepanjang tahun 2020 yang mencabar ini. Dengan kerjasama serta komitmen yang diberikan dari kumpulan editor, *E² - Waves* edisi ke 7 berjaya diterbitkan . *E² - Waves* bagi keluaran kali ini menghidangkan warna warni FKE sepanjang 2020 di dalam bidang akademik, penyelidikan, perundingan, inovasi serta tugas-tugas kemasyarakatan. Syabas FKE!!

Saya mewakili kumpulan editor *E² - Waves* ingin memohon maaf di atas segala kekurangan di dalam penghasilan buletin ini, sesungguhnya yang baik itu daripada Allah dan yang sebaliknya datang dari kelemahan kami sendiri.

Akhir kata, sekali lagi, setinggi-tinggi terima kasih kepada kesemua rakan editor *E² - Waves* dan para penyumbang artikel yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan. Bertemu semula pada Edisi ke 8 dengan coretan yang lebih menarik, Insya-Allah.



Ir. Dr. Alhan Farhanah
Ketua Editor E2 — Waves

Kandungan

Kata-kata Aluan	2
Tinta Pengarang	3
Faculty Updates	4
Staff Promotion 2020	5
Penyelidikan 2020	6
Perundingan 2020	7
Projek Inovasi 2020	9
Penerbitan 2020	10
Pasca Siswazah	11
Faculty Events	12
Lawatan Penanda Aras FKE ke UTeM, UTMKL	13
PTEC and MYHVNET Colloquium 2020	15
IAP Talk: Future Career Development	16
FYP2 Seminar	17
Sesi Perkongsian ODL	18
Sahabat Greenation@FKE	19
Temuduga Terbuka bersama Safura Defence	20
Bengkel AutoCAD 2020	21
Mock Akreditasi EE200	22
Rekreasi Minda	23
Narrowing down Potential Suspects based only on a Forensic Sketch	24
ODL dalam mendepani Pandemik Covid-19	25
Cabaran Mendidik Anak Digital	27
AJK: Ir. Dr. Norhazimi Hamzah Dr. Rosfariza Radzali Dr. Lyly Nyl Ismail Ir. Dr. Intan Rahayu Ibrahim Dr. Zuraida Muhammad Ir. Dr. Mohd Hanapiah Abdullah	
AJK: Ir. Dr. Nor Salwa Damanhuri Pn. Wan Salha Saidon Pn. Aini Hafizah Mohd Saod Pn. Siti Azura Ramlan	



Ketua Unit: Ir. Dr. Alhan Farhanah

AJK:

Ir. Dr. Norhazimi Hamzah
Dr. Rosfariza Radzali
Dr. Lyly Nyl Ismail
Ir. Dr. Intan Rahayu Ibrahim
Dr. Zuraida Muhammad
Ir. Dr. Mohd Hanapiah Abdullah



Faculty Updates

TAHNIAH KEPADA STAF FKE UNTUK TAHUN 2020

oleh *Nor Salwa Damanhuri*

Kenaikan Pangkat

Tahniah kepada Pn Nur Sa'adah Muhamad Sauki di atas kenaikan pangkat Pensyarah Kanan DM52 dan En Mohamad Sarih Daud di atas kenaikan pangkat Penolong Jurutera Kanan JA36. Semoga terus cemerlang.



Jurutera Profesional

Tahniah diucapkan kepada Prof Madya Ir Dr Zainal Hisham Che Soh kerana diiktiraf sebagai jurutera profesional oleh Board of Engineers (BEM) Malaysia. Semoga dengan pengiktirafan ini, akan membawa lebih banyak kejayaan buat FKE.



Lantikan Visiting Professor Universitas Negeri Semarang (UNNES)

Pada tahun 2020 ini, dua orang pensyarah FKE telah dilantik sebagai Visiting Professor di Fakulti Kejuruteraan, Universitas Negeri Semarang Indonesia (UNNES). Tahniah buat Prof Madya Ir Ts Dr Siti Noraini Sulaiman dan Prof Madya Ir Dr Zakaria Hussain. Semoga dengan lantikan ini akan membawa lebih banyak kolaborasi di antara FKE UiTM Cawangan Pulau Pinang dan UNNES.



Perjanjian Memorandum of Understanding (MoU)

Pada tahun 2020, beberapa orang pensyarah FKE telah berjaya mencapai KPI FKE dan kampus UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan memeterai perjanjian MoU Bersama pihak industry dan universiti. Tahniah diucapkan kepada semua. Berikut adalah senarai MoU:



NAMA	INDUSTRI/ UNIVERSITI
Ir Dr Aslina Abu Bakar	UiTM dan Filpal (S) Pte Ltd
PM Ir Dr Ahmad Rashid Razali	
Ir Dr Nor Salwa Damanhuri	UiTM, Monash University Malaysia and International Islamic University Malaysia
Ir Dr Nor Azlan Othman	UiTM and Pak Mat Western Sdn Bhd.





Penyelidikan FKE 2020

oleh Iza Sazanita & Alhan Farhanah Abd Rahim

Ujian pandemic Covid-19 sungguh memberi kesan kepada pencarian geran penyelidikan buat staf FKE. Tahun 2020, UiTM di uji dengan penolakan kesemua kertas cadangan penyelidikan oleh pihak KPT bagi permohonan geran FRGS. Insiden ini memberi impak besar kepada pemerolehan geran dan pencapaian petunjuk prestasi penyelidikan. Di sebalik ujian ini, staf FKE telah berjaya memperolehi geran antarabangsa, industri dan dalaman berjumlah RM759,752. Tahniah FKE!!

JENIS GERAN	TAJUK	KETUA PROJEK	NILAI GERAN (RM)
Antarabangsa - AUN/SEED-net jiCA	Sanitization - Autonomous Mobile Robot with Image Based Navigation to Pinpoint Contaminated Surfaces	Dr Wan Mohd Yusof Rahiman Wan Abdul Aziz (Universiti Sains Malaysia) / Azwati Azmin	204,252
MESTECC	Development Of Virtual Patient Model For Mechanically Ventilated Respiratory Failure Patients	Dr Chiew Yeong Shiong (Monash University Malaysia) / Ir Dr Norsalwa Damanhuri	389,800.00
Lestari	Quarantine Perimeter Breach Monitoring And Alert System Using Smartphone And Wearable Devices For Suspected Of Covid -19 Self-Quarantine Patient	Ir Ts Dr Zainal Hisham Che Soh	5,000.00
Industri	Inovasi Pertanian Smart Fertigation System With Ir 4.0 Application	Ir Dr Samsul Setumin	15,000
Industri	Inovasi Pertanian Urban Farming In Cabin Wuth Ir. 4.0 Application	Mohamed Syazwan Osman/Ir Dr Samsul Setumin	17,000
Lestari	Speech-Based Interaction System For Early Reading Dyslexic Children Practice	Siti Azura Ramlan	5,000.00
FRGS	Investigation of Thermal Energy Transport and Growth Kinetics of Carbon Nanotubes-Graphene Hybrid for Interconnects Using Optothermal Raman in IC Local Interconnections	Dr. Syarifah Norfaezah Sabki (UniMAP)/Ir Dr Alhan Farhanah Abd Rahim	103,700
Lestari	Early Detection Of Dental Caries Modelling Via UV Absorption Spectroscopy	PM Dr Ahmad Sabirin Zoolfakar / Ir Dr Alhan Farhanah Abd Rahim	20,000



Perundingan Staf FKE 2020

oleh Ir. Dr. Alhan Farhanah Abd Rahim

Pada tahun 2020, sebanyak 14 projek perundingan bernilai RM17,060 telah berjaya di perolehi oleh staf FKE. Antara pelanggan kepada projek-projek perundingan ini seperti UMP Advanced, Flextronic Technology, Pusat Pengajian Fizik, USM dan Malaysian Green Technology Corporation. Berikut projek-projek perundingan yang telah berjaya di jalankan:


No	Nama Ketua Projek	Nama Projek	Nilai Projek	Pelanggan
1	Samsul Setumin	Basic Electronic and Instrumentation for Diploma Professional	RM1600	UMP Advanced, Universiti Malaysia Pahang (Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Bin Ab Hamid)
2	Adi Izhar Bin Che Ani	Training Flextronic Actuators & Applications	RM2400	Flextronic Technology (Penang) Sdn. Bhd. (Ts. Zulkurnain Bin Shahadan)
3	Zainal Hisham Bin Che Soh	Occupational Safety & Health for Diploma Professional	RM800	UMP Advanced, Universiti Malaysia Pahang (Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Bin Ab Hamid)
4	Mohd Hanapiyah Bin Abdullah	Light Emitting Diodes: Construction, Emission and Application	RM800	Pusat Pengajian Sains Fizik, USM (Dr. Ahmad Fairuz Omar)
5	Abdul Malek Bin Saidina Omar	Programmable Logic Controller (PLC) For Diploma Professional	RM800	UMP Advanced, Universiti Malaysia Pahang (Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Bin Ab Hamid)
6	Abdul Malek Bin Saidina Omar	Electrical Power System for Diploma Professional	RM800	UMP Advanced, Universiti Malaysia Pahang (Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Bin Ab Hamid)
7	Samsul Bin Setumin	Computer Programming for Diploma Professional	RM800	UMP Advanced, Universiti Malaysia Pahang (Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Bin Ab Hamid)



No	Nama Ketua Projek	Nama Projek	Nilai Projek	Pelanggan
8	Mohd Ikmal Fitri Bin Marzuki	Computer Aided Design (CAD) for Diploma Professional	RM800	UMP Advanced, Universiti Malaysia Pahang (Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Bin Ab Hamid)
9	Samsul Bin Setumin	Basic Electronic and Instrumentation for Diploma Professional 2	RM800	UMP Advanced, Universiti Malaysia Pahang (Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Bin Ab Hamid)
10	Abdul Malek Bin Saidina Omar	Programmable Logic Controller (PLC) for Diploma Professional 2	RM800	UMP Advanced, Universiti Malaysia Pahang (Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Bin Ab Hamid)
11	Samsul Bin Setumin	Computer Programming for Diploma Professional 2	RM800	UMP Advanced, Universiti Malaysia Pahang (Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Bin Ab Hamid)
12	Intan Rahayu Binti Ibrahim	Gtfs Evaluation for Kilang Beras Megat Dewa Sdn. Bhd. & CCM Chemicals Sdn. Bhd.	RM4100	Malaysian Green Technology Corporation (Puan Azlina Binti Hashim)
13	Abdul Malek Bin Saidina Omar	Electrical Power System for Diploma Professional	RM800	UMP Advanced, Universiti Malaysia Pahang (Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Bin Ab Hamid)
14	Samsul Bin Setumin	Digital Electronic untuk Ijazah Sarjana Muda Eksekutif Teknologi Elektrik & Elektronik	RM960	UMP Advanced, Universiti Malaysia Pahang (Profesor Madya Dr. Mohd Rashid Bin Ab Hamid)



A pessimist sees the difficulty in every opportunity, an optimist sees opportunity in every difficulty
Winston Churchill




Projek Inovasi 2020

oleh Iza Sazanita & Alhan Farhanah

Nama Ketua	Tajuk Projek	Nama Pertandingan	Anugerah
Siti Azura Ramlan	Digital Communication System	National E-Content Development	Silver
Ahmad Saufi Bin Lokman Fikry	Home Security Alarm System	The 9th International Innovation, Invention & Design Competition	Inspiring Innovator
Siti Azura Ramlan	Mobile-based Speech Recognition for Early Reading Assistant	International Jasim Multimedia & Computer Science Invention,	Gold
Siti Noraini Binti Sulaiman	Demarcation of Lung Lobes in CT Scan Images for Lung Cancer Detection using Watershed Segmentation	9th International Invention,Innovation and Design 2020 (INDES2020)	Gold
Mohd Firdaus Bin Abdullah	An Intelligent CAD System for Automated Detection of Thorax Region In CT Scan Images of Lung Cancer	9th International Invention,Innovation and Design	Silver
Alhan Farhanah Abd Rahim	Structural, Morphological and Optical Characteristics Of N-Type Porous Silicon (111) By Integrated Pulse Electrochemical (IPEC) Etching Technique	3rd International Innovation, Invention Design Competition 2020 (ICON 2020), (Virtual IID)	Silver
Alhan Farhanah Abd Rahim	Conceptual and Electrical Design of IOT Smart Gas Leakage System	3rd International Innovation, Invention Design Competition 2020	Bronze
Mohamad Faisal Bin Asmadi	The Impression of A Single Triangular Slot On Hollow Pyramidal Microwave Absorber	3rd International Innovation, Invention Design Competition 2020 (ICON 2020), (Virtual IID)	Silver
Mas Izati Binti Fazin	Effect Of Rectangular Slot on Hollow Pyramidal Absorber	3rd International Innovation, Invention Design Competition 2020	BRONZE
Muhammad Fazrul Afiq Ali Mokhtar	Anti-Microwave Radiation Bamboo Roofing	9th International Invention,Innovation and Design	Inspiring Innovator
Mutmainnah Radhiah Bt Mohamad Jeffery	Smart Control Traffic Light System Using Image Processing	9th International Invention,Innovation and Design 2020 (INDES2020)	Aspiring Innovator
Muhammad Fikry Danial Bin Mohamad Fadzwi	Smart IOT Arowana Aquarium	9th International Invention,Innovation and Design 2020 (INDES2020)	Aspiring Innovator
Rosfariza Radzali	Material And Semiconductor Devices	National E-Content Development Competition 2020	Silver Award

BILANGAN PENYERTAAN STAF DALAM PERTANDINGAN INOVASI TAHUN 2020



"THE VALUE OF AN IDEA LIES IN
THE USING OF IT."

THOMAS EDISON (1847 - 1931), INVENTOR

ANALISA PENERBITAN PPKE 2020

oleh Zuraida Muhammad

Bagi tahun 2020, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PPKE) telah menerima 8 penunjuk prestasi bagi penerbitan universiti yang perlu dipenuhi. Antara 8 penunjuk prestasi itu adalah:

- PI 48:** Number of indexed publication in journal
- PI 49:** Number of indexed conference proceeding
- PI 51:** Number of indexed joint publication with industry
- PI 52:** Number of indexed joint publication with top 500 universities
- PI 53:** Number of indexed joint publication with national collaboration
- PI 56:** Number of Q1 and Q2 publication
- PI 57:** Number of research books published by recognized publisher
- PI 58:** Number of chapter in research book published by recognized publisher

Dari keseluruhan pencapaian, terdapat dua penunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran iaitu PI 48 dan PI 51. Namun begitu, PPKE cemerlang dalam penghasilan jurnal berimpak tinggi dengan kejayaan menerbitkan 4 jurnal berimpak tinggi melebihi sasaran yang telah diberikan.

Rumusan Pencapaian Penerbitan PPKE



Pencapaian Pelajar Pasca Siswazah FKE UiTM CPP

oleh Intan Rahayu Ibrahim

Program yang ditawarkan pada peringkat pasca siswazah adalah :-

1. EE750—Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Msc) (Penyelidikan)
2. EE950—Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik (Penyelidikan).


BIL	NAMA	PROGRAM
1	MOHAMMAD NAYEIM FAZUMY MOHD TAJUDIN	EE750
2	MOHAMED SYAZWAN ASYRAF ROSLI	EE750
3	NOOR FADZILAH ISMAIL	EE750
4	MOHAMAD FAISAL ASMADI	EE750
5	NURHIDAYAH MOHD ZAINOL	EE750
6	MOHD SHAHRUL ASHRAF BUSTAMM	EE750
7	NUR ATIQAH NASSER SHAH	EE750
8	NURHASHIRA NARUDIN @NORUDIN	EE750
9	AZLINA AHMAD KHAN	EE950
10	FIRDAUS MOHAMED	EE950
11	MAT NIZAM MAHMUD	EE950
12	MOHD NIZAR ZAINOL	EE950
13	MOHD HUSSAINI ABBAS	EE950
14	NUR SA'ADAH MUHAMAD SAUKI	EE950
15	AMIRUDIN IBRAHIM	EE950
16	SITI ZULAIKA MAT ISA	EE950
17	SARAH ADDYANI SHAMSUDDIN	EE950
18	NAJWA MOHD FAUZI	EE950

Tamat Pengajian



Disebabkan kekangan akibat pandemik covid19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ada pelajar yang membuat keputusan untuk mengambil cuti khas

atau menangguhkan pengajian. Ini menyebabkan hanya seorang sahaja pelajar program EE750 yang berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2020. Tahniah diucapkan kepada NURUL HANIDA BINTI ABD WAHAB.





Faculty Events

LAWATAN PENANDA ARAS FKE KE UTeM, UTMKL & UniKL

Disediakan oleh : Lely Nyl Ismail

Pada 13 ~ 14 Januari 2020, seramai 30 orang pensyarah dari Pusat Pengajian Fakulti Kejuruteraan Elektrik (PPKE) telah membuat satu lawatan penanda aras di Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Lawatan ini telah dibahagikan kepada 3 kumpulan mengikut program yang ditawarkan di FKE UiTMCPP iaitu Diploma Kejuruteraan, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Teknologi (B Eng Tech) dan Master. Lawatan ini bertujuan untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai keperluan dari sudut pembangunan kurikulum dan fasiliti makmal yang disediakan bagi program kejuruteraan yang bakal ditawarkan di PPKE. Di samping itu juga, lawatan ini merupakan peluang perkongsian ilmu di antara universiti yang terlibat dengan staf PPKE mengenai persediaan akreditasi bagi program akreditasi yang ditawarkan oleh FKE UiTM Cawangan Pulau Pinang. Lawatan benchmarking ini telah memberikan satu impak dari segi kerjasama antara universiti yang terlibat dengan PPKE dan ilmu yang baru kepada semua staf yang terlibat dan ianya dapat dikongsikan bersama dengan warga PPKE yang lain.

PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK



**PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
ELEKTRONIK (ELEKTRONIK INDUSTRI) DENGAN KEPUJIAN**



**PROGRAM SARJANA SAINS KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK
DENGAN PENGURUSAN
(MSc. In Electrical & Electronics Engineering with Management)**



1st Power Technology and Research (PTeC2020) 3rd MyHVnet Colloquium

oleh Ahmad Asri Abd Samat

The 1st PTeC Colloquium and 3rd MyHVnet Colloquium is supported and co-organized by Malaysian High Voltage Network (MyHVnet) and IEEE Dielectrics and Electrical Insulation Society (DEIS) Malaysia Chapter. This event was held on 3rd February 2020 at UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh. This colloquium lead by Dr Saodah Omar is a collaboration between the Power Department from Faculty of Electrical Engineering UiTM Cawangan Pulau Pinang with MyHVnet and IEEE Dielectrics and Electrical Insulation Society (DEIS) Malaysia Chapter. It is focusing on High Voltage and Power Engineering research. The topics of interest have been expanded to include high voltage, power systems, power electronics and renewables. This colloquium will be a platform for all researchers, academia and related industry to exchange their knowledge and new findings, besides increases the opportunity for the novice researcher to broaden their knowledge and expertise. The colloquium, which consisted of 2 keynote speeches and about 40 paper presentations, was an excellent opportunity for researchers and engineers to present and discuss their latest findings.



NETWORKING IS
MORE ABOUT
FARMING THAN
IT IS ABOUT
HUNTING.
- Ivan Misner



IAP TALK:

WEBINAR ON FUTURE CAREER DEVELOPMENT

Disediakan oleh: Aini Hafizah Mohd Saad

Industry Advisory Panels

(IAP) merupakan ahli panel yang dilantik oleh pihak Universiti, terdiri daripada golongan profesional, pengurus atau pemilik perniagaan yang mempunyai latar belakang kejuruteraan elektrik dan elektronik. Untuk Program EE200, panel IAP ini memainkan peranan penting dalam memberikan pandangan dan input berkaitan praktis dan teknologi terkini bagi memastikan program dan kurikulum yang ditawarkan relevan dengan industri.

Pada tanggal 30 Disember 2020, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PPKE) UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menganjurkan IAP Talk secara webinar menerusi platform YouTube Live dan Streamyard. IAP Talk pada kali ini yang bertajuk "**Future Career Development**", telah dikendalikan oleh dua orang panel dari Intel Microelectronics (M) Sdn. Bhd., iaitu Dr. Shahrul Yazid Yahaya dan Ts. Abdul Aziz Abdul Muttalib. Objektif webinar ini adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada para pelajar terutamanya pelajar tahun akhir bagi mempersiapkan diri mereka di alam pekerjaan nanti. Semasa webinar berlangsung, pelbagai teknik dan tips persediaan menghadapi temuduga dan panduan dalam menempuh alam perkerjaan telah dikongsi oleh panel jemputan bersama dengan para pelajar. Diharapkan usaha murni seperti ini dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang. Syabas PPKE!



StreamYard

The collage consists of several screenshots from the webinar. Top left: Event banner for "INDUSTRIAL TALK @ FACULTY WEBINAR ON FUTURE CAREER DEVELOPMENT" on 30 December 2020. Top right: A participant in a purple shirt at a desk with a computer. Middle left: A moderator in a blue hijab. Middle center: A slide titled "Reference of Information Level" showing a pyramid hierarchy from "Surface Web" to "Depth Web". Middle right: A video call interface with four participants in a 2x2 grid. Bottom left: A video call between two participants. Bottom center: A slide titled "Job categories: how it has changed" with bullet points about disappearing, remaining, and emerging job categories. Bottom right: Another video call interface. The bottom navigation bar shows "E-WAVES" and "16".

Seminar on “How to Write a Good Technical Paper” and “What is Plagiarism” for Final Year Student EE200

By: Saodah Omar

@ Coordinator FYP2 (July 2019 - March 2021)



The final year student in Bachelor of Electrical Engineering (EE200) is required to take the Final Year Project(FYP). In semester March-July 2020, 90 students have completed their FYP with flying colors. However, a lot of effort has been poured by the Coordinators, Supervisors and students themselves to reach the objective of the final year project. Towards the end of the project, the student has to produce a technical paper that summarizes the project findings and achievements. To produce a good technical paper, two seminars have been organized by the coordinator. Two speakers from the faculty have shared their knowledge and experiences during the seminar. The first seminar was given by PM Ir. Ts. Dr. Siti Noraini Sulaiman, focusing on the content of the technical paper such as title, authors, abstract, keywords, main body text, acknowledgment and references. In producing the technical paper, issue of integrity is very important, the second talk on “Plagiarism” was shared by Ir. Dr. Alhan Farhanah Abd Rahim. Two-way interactions during the seminar with the active student asking a lot of questions have made the seminar more meaningful. The organizer believed, the seminars have fulfilled the objectives and at the same time increasing the confidence level among students in writing and producing a good technical paper. As a something to be proud of, a lot of technical papers from the students have been published in IEEE website. Figure 1 below shows a picture from the seminar that has been conducted online via Microsoft Team.




Figure 1: Seminar on “How to Write a Good Technical Paper” and “Plagiarism”



Sesi Perkongsian ODL PPKE 2020

oleh Siti Azura Ramli

Pandemik yang melanda dunia yang disebabkan oleh Covid-19 telah merubah landskap semua sektor kehidupan kita termasuklah sektor pendidikan. Dengan itu, proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Institusi Pengajian Tinggi telah disesuaikan dengan situasi semasa di mana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan seluruh negara. Open Distance Learning (ODL) merupakan satu kaedah di mana proses PdP boleh dijalankan tanpa memerlukan para pelajar dan pendidik hadir secara fizikal di dalam kelas. Oleh itu, UiTM segera mengorak langkah dan menjalankan pelbagai program bagi membantu melancarkan proses PdP secara ODL dalam kalangan ahli akademik.

Unit Jawatankuasa ODL Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PPKE) telah menganjurkan Program Sesi Perkongsian ODL PPKE yang berlangsung selama tiga hari bermula 5 Oktober 2020 sehingga 7 Oktober 2020. Sesi perkongsian ini bertujuan untuk membantu para pensyarah di PPKE untuk membuat persedian ODL bagi semester Oktober 2020 — Februari 2021. Terdapat empat siri sepanjang program ini berlangsung iaitu siri perkongsian penggunaan Ufuture, Google Classroom, video recording dan Microsoft Teams for Beginner.

Sesi perkongsian yang informatif telah memberi banyak pilihan kepada pensyarah-pensyarah untuk merancang medium yang sesuai dalam PdP mengikut keperluan subjek masing-masing termasuk proses penilaian pelajar. Selain itu, para pensyarah juga memberi maklumbalas bahawa tahap kemahiran dan pengetahuan ODL meningkat setelah melaksanakan sepanjang semester Oktober 2020—Februari 2021 dengan mengaplikasikan input yang diperolehi daripada program yang dijalankan. Akhir sekali, sesi perkongsian ini telah memberi impak dan mencapai objektif seperitimana yang telah dirancang.



FKE WEBINAR SERIES
ORGANIZED BY JK ODL PPKE

UUTURE
5 OCT 2020 | 10 AM

RECORDING
7 OCT 2020 | 10 AM

GOOGLE CLASSROOM
6 OCT 2020 | 10 AM

MICROSOFT TEAMS
7 OCT 2020 | 3 PM

SPEAKERS

PN NUR ATHIQAH
PN SITI AZURA
PM IR DR SITI NORAINI
EN MOHD IKMAL
IR DR NOR SALWA



PROJEK SAHABAT “GREENATION” @ UiTMCPP FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Komplek Perdana UiTMCPP (15-17 September 2020)

Disediakan Oleh : Rosfariza Radzali



Projek Sahabat “Greenation” peringkat UiTM Cawangan Pulau Pinang telah diadakan pada 15-17 September 2020. Secara amnya, projek ini melibatkan keseluruhan kawasan kampus dengan bertujuan untuk menghijaukan serta mencantikkan UiTMCPP dengan konsep bertemakan *Pocket Garden/Mini Garden*. Berberapa kawasan telah dikenalpasti untuk project ini dan diagihkan kepada setiap fakulti dan jabatan. Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah diamanahkan untuk menjalankan projek ini di LOT 14 Parking Rektor, Blok Perdana, UiTMCPP. Bagi menjayakan projek ini, plan lanskap untuk Mini Garden di kawasan ini telah dirancang terlebih dahulu dengan pihak pengurusan UiTMCPP.

Projek ini telah melibatkan seramai 91 orang staf FKE dan diketuai oleh Pn. Aiza Mahyuni. Staf FKE telah diagihkan kepada berberapa kumpulan dan dibahagikan kepada tugas-tugas tertentu seperti mengorek tanah untuk penanaman pokok, meletakkan batu kecil putih (*pebbles stone*) untuk lanskap dan mengecat divider jalan serta bangku. Pelbagai jenis pokok telah ditanam di Mini Garden ini, antaranya ialah Jasmine, Eugenia dan Bromeliads. Bagi menaikkan seri lanskap Mini Garden ini, *pebbles stone* telah disusun dengan rapi dan bercorakkan perkataan FKE.

Projek Sahabat “Greenation” ini bukan sahaja dapat mewujudkan suasana ceria dan mencantikkan persekitaran kampus malah dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama ahli fakulti. Semoga projek ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga kampus serta sama-sama menjaga dan meningkatkan persekitaran kampus yang lebih baik.

Let's nurture the nature so that we can have a better future

Temuduga Terbuka pelajar FKE lepasan Diploma dan Ijazah bersama Safura Defence Sdn Bhd

26 September 2020

Oleh Alhan Farhanah Abd Rahim



Satu temuduga terbuka telah diatur oleh pihak Fakulti Kejuruteraan Elektrik bersama Safura Defence Sdn Bhd pada 26 September 2020. Tujuan temuduga terbuka ini dijalankan adalah bagi memberi peluang temuduga kepada pelajar diploma dan Ijazah FKE semester akhir dan juga yang telah tamat dan sedang mencari pekerjaan. Temuduga terbuka ini merupakan peluang terbaik kepada pelajar untuk mendapatkan pengalaman dan tips berguna terutamanya berkenaan "How to secure and Win in an Interview for Fresh E & E Graduates". Ia diharap dapat memberi panduan kepada pelajar bagaimana mereka sebagai "job seekers" untuk "search, secure" dan "negotiate" pekerjaan yang sesuai buat mereka.

Seramai 15 pelajar yang telah di saring "Resume" mereka oleh pihak syarikat telah hadir mengikuti temuduga ini. Dua wakil dari syarikat iaitu, En Mohammad Suhaimi, Program Director dan En Ruzila, Koordinator Pusat Simulator Pejuang, Safura Defence Sdn Bhd hadir sebagai panel penilai temuduga ini dan memberikan maklumbalas kepada pelajar yang di temuduga. Dua orang calon telah di tawarkan pekerjaan sebagai Technical Specialist dan Engineer, sementara 3 lagi pelajar di pilih untuk dipanggil ke temuduga kedua oleh pihak Sapura Holdings di Kuala Lumpur.



Program yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang telah di gariskan. Pelajar rata-rata memberikan maklumbalas yang amat baik berkenaan temuduga terbuka tersebut dan peluang yang di berikan. Pihak Sapura Defence Sdn Bhd juga berbesar hati menjemput dua pensyarah iaitu Prof. Madya. Ir. Dr. Irni Hamiza Hamzah dan Ir. Dr. Alhan Farhanah bersama dengan beberapa pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UiTMCP untuk melawat Pusat Simulator Pejuang, TUDM di Butterworth. Di kesempatan tersebut, pensyarah di bawa melihat kerja-kerja penyelenggaraan kepada alat-alat simulator jet pejuang oleh pihak Sapura Defence Sdn Bhd. Pihak syarikat juga memaklumkan mereka mengalu-alukan permohonan dari pelajar yang ingin melakukan latihan industri di Pusat Simulator Pejuang tersebut.



Jangan takut jatuh, kerana yang tidak pernah memanjatlah yang tidak pernah jatuh

~ Hamka ~

Bengkel Autocad

2020

Disediakan oleh: Aini Hafizah Mohd Saod





lectrical Power Utilisation (EPO555) merupakan salah satu kursus yang perlu diam-bil oleh pelajar-pelajar Program EE200. Kursus ini merangkumi beberapa perkara berkaitan sistem pengedaran, amalan pemasangan elektrik, sistem pembumian, pencahayaan, pemanasan, dan penyaman udara. Selain itu, pelajar juga perlu mempelajari perisian AutoCAD bagi menyediakan lukisan kejuruteraan elektrik yang merupakan sebahagian daripada komponen kerja kursus subjek ini.



Pada tarikh 25 November 2020, **Bengkel Autocad** telah dianjurkan kepada pelajar-pelajar semester 5 Program EE200. Tujuan bengkel ini diadakan adalah sebagai persediaan untuk pelajar dalam menyiapkan tugas mini projek mereka. Selain itu, pelajar juga dapat mempelajari ilmu baharu memandangkan AutoCAD merupakan perisian utama dalam sektor pembinaan. Kebiasaanya, bengkel seperti ini diadakan secara langsung atau bersemuka (*hands-on*), namun disebabkan implementasi Open and Distance Learning (ODL), maka kali ini bengkel tersebut

dilaksanakan secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Di samping itu, bengkel ini juga turut dirakamkan dan dimuat naik di YouTube bagi memudahkan pelajar mengakses video bengkel tersebut pada bila-bila masa. Secara keseluruhannya, penganjuran bengkel ini telah memberi manfaat kepada para pelajar dan dapat membantu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran subjek Electrical Power Utilisation yang secara langsung menggunakan perisian AutoCAD ini. Diharapkan agar bengkel-bengkel seperti ini dapat dianjurkan lagi pada masa akan datang. Syabas diucapkan kepada pihak penganjur!



Persediaan Kerja Kursus Electrical Power Utilisation

Mock Akreditasi Program EE200 @ Fakulti Kejuruteraan Elektrik UiTMCPP

Kompleks Perdana UiTMCPP (27-28 OCT 2020)

Disediakan Oleh : Mohd Hanapiah Abdullah

Pendahuluan

Perakuan Akreditasi adalah merupakan satu perakuan rasmi bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada graduan yang telah lengkap menjalani pengajian didalam sesuatu program telah mencapai standard kualiti dan kriteria yang ditetapkan oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan ia adalah selaras dengan kerangka yang telah digariskan oleh Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualifications Framework (MQF). Status Akreditasi yang diberikan oleh MQA memiliki beberapa kelebihan tersendiri. Selain ia menjadi tanda aras kualiti program pengajian yang diikuti oleh para pelajar, ia juga memberi manfaat lain yang cukup signifikan kepada graduan yang telah tamat

Maklumat Program

Pada umumnya, sebelum sesebuah program menjalani penilaian sebenar oleh pihak berwajib maka kebiasaananya program penilaian kendiri iaitu "Mock Akreditasi" akan dijalankan terlebih dahulu bagi menilai dan mengukur kesediaan pihak pemilik program. Justeru, pada 27 ~ 28 October 2020 yang lalu, suatu program Mock Akreditasi program EE200 telah dijalankan. Panel Jemputan yang berpengalaman daripada universiti tempatan iaitu Assoc. Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid Abidin dan juga Ir. Dr. Salina Binti Budin telah dijemput bagi melaksanakan mock akreditasi ini. Penilaian panel jemputan merangkumi aspek sesi temubual bersama pihak pengurusan tertinggi UiTM Pulau Pinang, pensyarah, penolong jurutera, staf pentadbiran dan juga pelajar. Disamping itu juga panel akan mengadakan semakan, penelitian dan pengauditan terhadap dokumen-dokumen berkaitan program. Sistem Kawalan Kualiti, proses pelaksanaan OBE dan lain-lain yang berkaitan juga akan dinilai. Pencapaian objektif program serta hasil pembelajaran, lawatan ke bilik/dewan kuliah, makmal, peralatan dan fasiliti berkaitan juga akan dijalankan. Pihak PPKE telah mendapat manfaat berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh panel melalui Exit Meeting di akhir sesi mesyuarat. Saranan dan maklumbalas akan membantu penambahbaikan proses pelaksanaan dan pengurusan dokumen bagi program EE200 khususnya dan sistem akademik di pusat pengajian secara umumnya.

Coretan bergambar Program





Rekreasi Minda

Narrowing down Potential Suspects based only on a Forensic Sketch

By: Samsul Setumin

@ Machine Learning Research Group (MLRG)



In law enforcement, traditionally, the process of searching potential suspects or the Identity of Interest (IoI) is performed manually. A large number of photographs need to be browsed by an eyewitness before selecting a few potential candidates. This process is very time-consuming and may not be accurate due to the fact that the environment may interfere with the eyewitness' focus, or they may experience fatigue while browsing the photographs. Apart from that, a forensic sketch is normally used as an evidence to find the suspect when there is no other evidence except the memory of the eyewitness. This sketch is rendered by a forensic artists based on the descriptions elicited from the eyewitness. Lois Gibson and Karen Taylor are well-known forensic artists involved in this kind of sketching. With the aid of eyewitness descriptions, the artists visualize the face in their mind and translate it into a pencil sketch. This sketch is usually released to the public with the hope that the suspect can be identified based on the information retrieved from the public. Figure 1 below shows some of the forensic sketches.



Figure 1: Example of forensic sketches [Daily Mail].

A face sketch recognition system has very useful application as to narrow down potential suspects in criminal investigations. Among the noticeable difficulties in matching the sketch and photo due to its modality difference are the generated sketch has some tendency of shape exaggeration, the sketch has very less accurate details and the real-world photo may expose to lighting variation unlike the sketch. These complications can be addressed by matching the sketch and photos using dynamic local feature of Difference of Gaussian Oriented Gradient Histogram (DoGOGH) on some selected patches. To avoid discriminative power degradation due to a large number of gallery images, two stage matching blocks can be introduced in a cascaded fashion. The front block matches the feature such that it short lists a certain number of most similar photos for the second block. In this front block, Histogram of Oriented Gradient (HOG) and Gabor Wavelet (GW) features can be fused by maximizing the correlation between the two using Canonical Correlation Analysis (CCA). Based on the short-listed photos, the following block re-matched the sketch and photos using dynamically extracted local feature on its Patch of Interest (PoI). For accuracy improvement, the matching scores from the blocks are suggested to be fused before getting rank-1 accuracy. If such a system is properly developed with high accuracy, it will obviously simplify the task of narrowing down potential suspects based only on the forensic sketch.

ODL dalam Mendepani Pandemik Covid-19

Disediakan : Zuraida Muhammad

Dunia telah dikejutkan dengan satu novel koronavirus (Covid-19) yang pada mulanya dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Berikutnya penularan wabak ini dari satu negara ke satu negara, akhirnya Malaysia juga tidak terkecuali dari mendapat serangan Covid-19 ini. Kes positif pertama negara telah dicatatkan pada 25 Januari 2020. Bermula dari tarikh itu, angka positif covid-19 yang dilaporkan di negara ini kian meningkat dari hari ke hari.

Memandang serius kewujudan kluster-kluster penyebaran pendemik covid-19 ini, Perdana Menteri telah mengambil keputusan mengumumkan perintah kawalan pergerakan (PKP) 1.0 di seluruh negara yang bermula pada 18 Mac 2020.

Berikutnya dari pengumuman itu, Malaysia dilihat sebagai sebuah negara terawal di Asia Tenggara yang mengambil langkah pro aktif dengan mengumumkan PKP dalam mendepani wabak pandemik ini. Namun di sebalik pengumuman ini, pelbagai kesan dirasai tidak kira sama ada di sektor pentadbiran, ekonomi, pendidikan, perniagaan dan sudah pasti pada sektor kesihatan itu sendiri.

Sektor pendidikan, sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah mahupun di peringkat institut pengajian tinggi, masing – masing berusaha mencari langkah terbaik yang perlu diambil dalam kelestarian pendidikan negara. Bagi institusi pengajian tinggi amnya, berikutnya pengumuman PKP daripada yang berhormat perdana menteri bagaikan robohnya dinding dewan kuliah, tiada lagi kelibat mahasiswa, mahasiswi di institut keramat ini, tiada lagi pertemuan empat mata bersama mahasiswa mahasiswi secara bersemuka seperti lazimnya. Namun ini bukanlah halangan buat institut pengajian tinggi awam mahupun swasta untuk terus komited menyampaikan kuliah seperti yang telah di tetapkan.

Digital Platform bagi ODL



Google Meet



Microsoft Teams



zoom



Cisco
webex



Google Classroom



F U T U R E

Digital Platform Menjadi Pilihan

"Dalam usaha untuk mengawal dan membendung penularan Covid -19, UiTM mengeluarkan perikatan khas supaya pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian"

Prof Emeritus Datuk Dr Mohd Azraai Kassim


Satu kaedah yang di kenali sebagai "open distance learning, ODL" telah diperkenalkan semasa tempoh PKP dilaksanakan. Menerusi kaedah ini, pelbagai platform digunakan antaranya Microsoft Teams, Google Classroom, Padlet, Zoom dan lain-lain digital platform. Pelajar dan pensyarah boleh memilih untuk berinteraksi secara berkumpulan melalui platform yang sesuai.

Walaupun penggunaan medium digital agak jangal pada awal perlaksanaannya, namun dengan inisiatif Latihan dan bengkel secara berterusan kepada para pensyarah, akhirnya perjalanan ODL boleh dikatakan agak memuaskan berdasarkan maklum balas yang diterima dari pelajar dan juga pensyarah. Ramai yang mula menyedari bahawa kaedah ODL ini sebenarnya mempunyai banyak kelebihan berbanding kaedah konvensional, termasuklah mampu menjimatkan kos, memberikan akses yang lebih tinggi kepada pelajar, menyediakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel, serta meningkatkan peluang pendidikan.

Perubahan sikap dan tekad dalam kalangan pensyarah penting untuk mempelajari sesuatu yang baru. Kajian telah membuktikan sikap pengajar dan pelajar adalah penentu utama dalam keberkesanan pembelajaran dalam talian mahupun secara bersemuka. Minat dan rasa ingin tahu dalam kalangan pensyarah serta sokongan kuat daripada rakan-rakan pensyarah yang celik teknologi menjadi faktor pendorong utama untuk pelaksanaannya secara menyeluruh dan lebih berkesan. Walaubagaimanapun, ODL tidak sunyi dari cabarannya yang tersendiri. Mungkin di pihak para pengajar sudah selesa dengan kaedah odl ini, namun bagi pelajar terutama yang tidak memiliki akses rangkaian yang baik, ini adalah limitasi yang perlu diatasi.

Sungguh pun begitu, wabak COVID-19 yang hadir tanpa diduga ini telah berjaya mengubah perspektif pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Dengan penguatkuasaan sepenuhnya PKP di kebanyakan negara, pendidik di seluruh dunia tidak mempunyai pilihan kecuali melakukan pengajaran dan pembelajaran dalam talian untuk memastikan proses penyaluran ilmu kepada pelajar dapat diteruskan.

Tiada siapa yang menyangka dengan penularan wabak COVID19 ini, kaedah pembelajaran telah mengalami revolusi yang agak mengejutkan daripada kaedah penyampaian di bilik kuliah kepada pembelajaran secara maya. Sejurnya ia merupakan satu cabaran yang amat besar, bukan sahaja kepada pensyarah, malahan kepada mahasiswa mahasiswa IPTA mahupun IPTS. Pensyarah perlu kreatif dalam melaksanakan *blended learning* dengan mencampurkan pelbagai kaedah pembelajaran bagi memastikan penghasilan graduan secara holistik dapat dicapai.



Cabaran Mendidik Anak Digital

oleh Syafiq Hasan, Pengurus Pendidikan Semat Qur'an Ipoh

Kini kita berada di zaman teknologi digital dan dunia tanpa sempadan. Anak-anak membesar bersama internet dan media sosial. Mereka akan mendapatkan kebaikan jika dipandu dengan betul dan mereka juga boleh terpalit dengan dosa dan maksiat yang boleh mendarangkan penyesalan dalam kehidupan mereka jika tidak dipandu dengan sebaiknya. Justeru wajib ke atas kita semua; baik ibu bapa maupun guru dan pendidik mengambil peduli akan perkara ini. Ajarkan anak-anak tentang dosa pahala, nikmat syurga dan dahsyatnya neraka yang akan diperolehi kesan daripada setiap minit mereka bersama gajet atau alat digital. Kita tunjukkan mereka saluran yang betul untuk mendapatkan maklumat. Beritahu mereka apa yang bahaya...apa yang tidak perlu...apa yang buruk..kita jelaskan.

Ya, semua ini perlu diberitahu! Jangan biarkan mereka mencuba sendiri. Dan kita pantaulah dengan siapa mereka berkomunikasi dan aplikasi apa yang mereka gunakan. Bertanyalah kepada mereka apa yang mereka buat. Ini bukti kasih kita kepada mereka. Kawallah masa mereka bersama gajet. Buatlah jadual untuk mereka. Simpankan gajet mereka bila tidak perlu. Jangan biarkan mereka tidur bersama gajet. Paling utama, sama-sama kita doa kepada Allah agar diri kita dan keluarga dipelihara daripada dosa syubhat dan syahwat.

Bertaubatlah kepada Allah. Mohonlah pertolongan kepada-Nya. Hanya kepada-Nya kita memohon pertolongan. Di dalam al quran, antara doa yang di anjurkan kita beramal bagi memperolehi pasangan dan zuriat yang baik serta menjadikan kita orang yang bertaqwa:

Al-Furqan 25:74

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدَرِيَتَنَا فُرْرَةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, anugerahkan kepada kami dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang bertaqwa.

Duhai anak.
Ingatlah... Kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang menipu...



L-O-C-K-D-O-W-N bersama keluarga

- L Lihat anak sebagai nikmat
- O Optimumkan masa bermain dengan anak
- C Cermat pilih perkataan (sembang / tegur)
- K Komunikasi yang baik dengan anak
- D Didik anak dengan rasional
- O Optimumkan solat berjemaah
- W Waspada dengan gadget
- N Nasihat daripada Al-Quran

Di dalam hadis yang sahih, Rasulullah saw mengajarkan doa buat kita dalam memohon perlindungan dari keburukan anggota badan dan nafsu syahwat kita:

وَعَنْ شَكَلِ بْنِ حُمَيْدٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ : قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، عَلِمْنِي دُعَاءً ، قَالَ : قُلْ : اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ سَمْعِي ، وَمِنْ شَرِّ بَصَرِي ، وَمِنْ شَرِّ لِسَانِي ، وَمِنْ شَرِّ قَلْبِي ، وَمِنْ شَرِّ مَنِيِّ

Syakal bin Humaid radhiyallahu 'anhу, ia pernah berkata kepada Rasulullah shallallahu 'ala'ih wa sallam, "Wahai Rasulullah ajarkan kepadaku suatu doa." Maka beliau mengatakan, "Bacalah: Allohumma Inni A'udzu Bika Min Syarri Sam'i, Wa Min Syarri Bashorii, Wa Min Syarri Lisaanii, Wa Min Syarri Qolbii, Wa Min Syarri Maniyyi (ertinya: Ya Allah, aku meminta perlindungan pada-Mu dari kejahatan pada pendengaranku, dari kejahatan pada penglihatanku, dari kejahatan pada lisanku, dari kejahatan pada hatiku, serta dari kejahatan pada mani atau kemaluanku)." [HR. Abu Daud, no. 1551] Status hadith - Sahih (yg disahihkan oleh Al-Albani)



*Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana
muafakat*